

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL**

**KENYATAAN TAWARAN**

<b>No. Sebutharga</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Gred/Kategori/ Pengkhususan</b>	<b>Harga Dokumen</b>	<b>Tarikh Tutup Sebutharga</b>
<b>MPJL IF/04/2021</b>	Cadangan Membaiki Longkang Di Jalan Pasar Bahau Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, NSDK	<b><u>Gred G2</u></b> (Bumiputera)  <b><u>Kategori</u></b> CE-Pembinaan Kujuruteraan Awam  <b><u>Pengkhususan</u></b> CE21-Kerja-Kerja Am Kejuruteraan	50.00	<b>06/04/2021 (Selasa)</b>
<b>No. Koordinat</b>	<b>2.811682, 102.400884</b>			
<b>MPJL IF/05/2021</b>	Cadangan Membaiki Longkang Di Jalan Awana Indah, Taman Awana Indah Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, NSDK	<b><u>Gred G2</u></b> (Bumiputera)  <b><u>Kategori</u></b> CE-Pembinaan Kujuruteraan Awam  <b><u>Pengkhususan</u></b> CE21-Kerja-Kerja Am Kejuruteraan	50.00	<b>06/04/2021 (Selasa)</b>
<b>No. Koordinat</b>	<b>2.797477, 102.412872</b>			
<b>MPJL IF/06/2021</b>	Cadangan Pengukuhan dan Penstabilan Cerun Di Jalan Dato Amar Menteri, Bahau Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus	<b><u>Gred G2</u></b> (Bumiputera)  <b><u>Kategori</u></b> CE-Pembinaan Kujuruteraan Awam  <b><u>Pengkhususan</u></b> CE21-Kerja-Kerja Am Kejuruteraan	50.00	<b>06/04/2021 (Selasa)</b>
<b>No. Koordinat</b>	<b>2.811759, 102.399099</b>			

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **31 Mac 2021 (Rabu)**. Dokumen sebutharga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan akan dijual selama **3 hari sehingga 2 April 2021 (Jumaat)** sahaja memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sedang berkuatkuasa.

**Bagi mana-mana kontraktor yang ingin membuat pembelian borang menggunakan Kebenaran Khas untuk pengkhususan yang tiada di dalam sijil CIDB, hendaklah mendapat kelulusan dari pihak CIDB sebelum tarikh mula penjualan borang atau semasa tarikh lawatan tapak dengan melampirkan kelulusan Kebenaran Khas yang asal kepada pihak Majlis Perbandaran Jempol.**

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Selaras dengan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia agar **tidak mewajibkan** kehadiran syarikat bagi tujuan taklimat atau lawatan tapak bagi sebut harga/tender, maka Majlis Perbandaran Jempol telah menyenaraikan **nombor koordinat** bagi lokasi setiap sebutharga supaya memudahkan kontraktor melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan. Kontraktor mestilah melawat tapak projek supaya dapat mengenal pasti keadaan di tapak dan kehendak di dalam spesifikasi sebelum mengisi borang sebutharga.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **06 April 2021 (Selasa)**.

Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini .

## **SYARAT-SYARAT PEMBELIAN BORANG SEBUTHARGA**

1. Syarikat adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol.
2. Syarikat adalah daripada kontraktor bumiputera G2 yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2021** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
3. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari pembelian borang tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.

4. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa **tidak dibenarkan** terlibat dalam membuat **pakatan harga** dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga / tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

**KERJASAMA SEMUA PIHAK UNTUK MENGIKUTI *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP) SEPERTI BERIKUT AMATLAH KAMI HARAPKAN SEMASA BERURUSAN DI KAUNTER :-**

1. Penjarakan sosial akan dilaksanakan semasa berurusan di kaunter. Pihak Majlis Perbandaran Jempol akan memastikan kapasiti pelanggan adalah dihadkan berdasarkan penjarakan sosial minimum 1 meter. Bagi urusan di kaunter Bahagian Kejuruteraan, hanya seorang pelanggan sahaja dibenarkan berurusan dalam satu-satu masa.
2. Perlu mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* sebelum dan selepas berurusan di kaunter.
3. Setiap pelanggan adalah diwajibkan memakai topeng muka (*facemask*) bagi memastikan tahap keselamatan adalah sentiasa terkawal semasa berurusan di kaunter.
4. Saringan kesihatan akan dilaksanakan di pintu masuk premis.
5. Pelanggan yang mempunyai gejala seperti demam, selesema dan batuk tidak akan dibenarkan berurusan di kaunter. Oleh yang demikian, semua pelanggan hendaklah memastikan tidak mempunyai gejala sekiranya datang berurusan di kaunter.

Tarikh Pengiklanan

23 Mac 2021

.....  
(ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b.p. Yang Dipertua

**Majlis Perbandaran Jempol.**

**Cadangan Membaiki Longkang Di Jalan Pasar Bahau  
Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam  
Daerah Jempol, NSDK**

**2.811628,102.400884**



**Cadangan Membaiki Longkang Di Jalan Awana Indah, Taman Awana Indah Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, NSDK**

**2.797477, 102.412872**



CADANGAN PENGUKUHAN DAN PENSTABILAN CERUN DI JALAN DATO AMAR MENTERI, BAHAU  
SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DALAM DAERAH JEMPOL, NSDK

KOORDINAT : 2.811759, 102.399099

